

SEK. MEN. KEB LAKI-LAKI METHODIST

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2010

TINGKATAN 2

Kod Kertas	: 21	Penyedia	: En. Mohd Shamsul Amer Bin Shukor
Mata Pelajaran	: Sejarah	Penyemak	: Puan Shamlah A/P Nagalingam
Masa	: 1 jam	Disahkan KB	: Dr. Lim Bee Lee
Bil. Calon	: 244	Disahkan Pengetua	:

Arahan :

Kertas soalan ini mengandungi 60 soalan. Terdapat 3 bahagian yang perlu dijawab iaitu bahagian A,B dan C. Jawab semua soalan.

Bahagian A (40 Markah)

1. Apakah tujuan penubuhan Syarikat Hindia Timur Inggeris?

- I. Meluaskan tanah jajahan
- II. Menjalankan perdagangan antarabangsa
- III. Meneruskan peperangan dengan orang Islam di Timur
- IV. Memonopoli perdagangan rempah di kepulauan rempah

- A. I dan II
- B. I dan IV
- C. II dan III
- D. III dan IV

Dasar Buka Pintu di Kuala
Kedah

2. Pernyataan di atas ialah dasar yang mengamalkan oleh Kerajaan Kedah. Apakah faedah yang diperoleh Kedah akibat pengenalan dasar ini?

- A Memajukan Kedah sebagai pusat

- perdagangan antarabangsa
- B Menjadikan Kedah sebagai pengkalan tentera terkenal
- C Mengelakkan Kedah daripada menghantar ufti ke Siam
- D Membuka jalan campurtangan Syarikat Hindia Timur Inggeri di Kedah

3. Mengapakah Syarikat Hindia Timur Inggeris (SHTI) tidak dapat menguasai Kedah walaupun mereka berminat terhadap

kegemilangannya sebagai kuasa maritim?

- A. Kedah mendapat bantuan dari Bugis
- B. Kedah mempunyai pertahanan yang kuat
- C. Siam mengakui Kedah di bawah naungannya
- D. British terpaksa bersaing dengan Perancis

4. Mengapakah SHTI ingin membina pangkalan tentera di Pulau Pinang?

- A. Menghadapi ancaman Perancis
- B. Menyekat kedatangan kuasa asing
- C. Memecah dasar monopoli Belanda
- D. Menghalang dasar keterbukaan Siam

5. Apakah faktor yang menyumbang kepada perpindahan pentadbiran Negeri-Negeri

Selat (NNS) dari India ke London pada tahun 1867?

- I. SHTI telah menjadikan Pulau Pinang sebagai benteng pertahanan.
- II. Imigran Cina telah menimbulkan kekacauan dan kongsi gelap ditubuhkan.
- III. Kebajikan SHTI tidak diambil berat oleh SHTI di India.
- IV. Tindakan kerajaan British menjadikan NNS sebagai tempat untuk membuang banduan telah dibantah oleh penduduk tempatan.

- A. I, II dan III B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV D. II, III dan IV

Pada tahun 1874, rumah api yang dibina oleh British di Tanjung Rachaldo telah diserang.

6. Peristiwa di atas merujuk kepada kejadian di negeri

- A. Perak B. Pahang
- C. Selangor D. Negeri Sembilan

7. Residen Jeneral yang pertama di negeri melayu bersekutu ialah

- A. J.P. Rodger B. Francis Light
- C. J.W.W. Birch D. Frank Sweettenham

Pembesar: Kita mesti bawa masuk buruh dari China kalau ingin memajukan perlombongan bijih timah negeri Perak

8. Siapakah pembesar yang peka dalam hal ini?

- A. Raja Yussuf B. Long Jaafar
- C. Tengku Kudin D. Raja Abdullah

Dato' Kelana diiktiraf oleh British sebagai pemerintah Sungai Ujong melalui perjanjian.

9. Mengapakah British berbuat demikian?

- Menamatkan perang saudara
- Menguasai pengeluaran bijih timah
- Menambahkan pelaburan orang Barat
- Menamatkan mengutip cukai di Sungai Ujong

10. Sultan Ahmad berusaha mengelak Pahang dari dijajah British. Apakah buktinya?

- Memajukan ekonomi
- Mencontohi usaha Sultan Johor
- Membawa masuk pelabur eropah
- IV. Menandatangani perjanjian perdamaian

- I, II dan III B. I, II, dan IV
- C. I, III, dan IV D. II, III, dan IV

11. Mengapakah British amat bimbang pada tindakan Perancis yang ingin membuka terusan di Segenting Kra ?

- A. Lembah Menam Chao Praya adalah hak British.
- B. Siam pernah berjanji akan menyerahkan kawasan ini kepada Rusia
- C. Perluasan kuasa Perancis boleh menggugat perdagangan British di Singapura.
- D. Penguasaan Perancis akan mempengaruhi kedudukan Negeri-negeri Utara Tanah Melayu.

12. Mengapakah Inggeris menganggap Rusia sebagai salah satu kuasa Eropah yang berbahaya kepada kepentingannya di Negeri-negeri Melayu Utara ?

- A. Rusia sangat baik dengan negeri-negeri Melayu tersebut.
- B. Rusia berhasrat membuka petempatan di Ujung Salang.
- C. Rusia sebuah negara Eropah yang kuat.
- D. Rusia sedang berpakat dengan negara Eropah lain untuk berdepan dengannya.

13. Berikut adalah kandungan yang terdapatdi dalam Undang- undang Tubuh Kerajaan Terengganu **kecuali**

- A. Sultan tidak boleh menyerahkan negeri Terengganu kepada mana-mana kuasa asing.
- B. Menggunakan Bahasa Melayu dalam penulisan rasmi dan perundangan.
- C. Raja mesti mengadakan mesyuarat.
- D. Raja dan menteri besar mempunyai hak untuk memilih jemaah menteri.

14. Apakah jasa yang telah dicurahkan oleh Dato' Muhammad Salleh bin Perang kepada negeri Johor?

- A. Menetapkan surat rasmi kerajaan dalam Bahasa Melayu.
- B. Menjadi setiausaha sulit Sultan Johor.
- C. Menjadi Menteri Besar Johor yang pertama.
- D. Melukis peta pembangunan negeri Johor.

Pada tahun 1885, satu perjanjian antara Maharaja Abu Bakar dengan British telah ditandatangani.

15. Apakah faedah daripada perjanjian tersebut kepada Maharaja Abu Bakar?

- I. Kedudukannya lebih tinggi daripada Gabenor British di Singapura.
- II. Menerima Penasihat British.
- III. Berhubung terus dengan kerajaan British.
- IV Diiktiraf sebagai pemerintah Johor.

- A. I, II dan III.
- B. I, II dan IV.
- C. I, III dan IV.
- D. II, III dan IV.

16. Apakah faktor yang membolehkan James

Brooke berjaya mengukuhkan kuasanya di Sarawak?

- A. Tenteranya yang kuat.
- B. Sokongan padu penduduk tempatan.
- C. Sumber kewangan yang mencukupi.
- D. Bantuan tentera daripada kesultanan Sulu.

17. Pada 1924 keluarga Brooke telah menubuhkan Jabatan Pelajaran di Sarawak. Apakah tujuan jabatan tersebut ditubuhkan?

- A. Mengawal perkembangan pendidikan .
- B. Menyediakan sukatan pelajaran.
- C. Membekalkan guru-guru.
- D. Membantu guru-guru di Sekolah.

18. Mengapakah James Brooke melibatkan pemimpin tempatan dalam pentadbiran di Sarawak?

A. Melaksanakan undang-undang tempatan.

B. Mengatasi masalah kewangan.

C. Mendapatkan sokongan penduduk tempatan.

D. Mengatasi masalah kekurangan pegawai

Pentadbir.

19. Mengapakah kerajaan Brooke tidak menggalakkan kemasukan pelabur luar secara besar-besaran?
- A. Menggelakkan campur tangan kuasa asing.
 - B. Menjaga kepentingan ekonomi keluarga Brooke.
 - C. Mengekalkan ekonomi tradisional Sarawak.
 - D. Menjaga kepentingan ekonomi penduduk peribumi.
20. Dasar ekonomi Brooke tidak menggalakkan penanaman modal Eropah secara besar-besaran. Pada pendapat anda, mengapakah Brooke melaksanakan dasar tersebut?
- A. Sarawak tidak mempunyai sumber ekonomi yang banyak.
 - B. Bimbang kedatangan pemodal Barat akan mengancam pemerintahannya.
 - C. Menjaga kebajikan penduduk Sarawak.
 - D. Tertakluk kepada Perlembagaan Sarawak 1941.
21. Tiap-tiap Residen di Sabah dibahagikan kepada daerah. Setiap daerah diketuai oleh Pegawai daerah yang berfungsi sebagai ketua pentadbir. Siapakah yang menyandang jawatan sebagai pegawai daerah tersebut?
- A. Ketua peribumi.
 - B. Ketua Anak Negeri.
 - C. Pegawai berbangsa Eropah.
 - D. Pemimpin yang dipilih oleh penduduk tempatan.
22. SBUB telah memperkenalkan tanaman baru seperti getah dan tembakau ke Sabah. Mengapakah usaha ini dilakukan?
- A. Sabah mempunyai tanah yang luas dan subur.
 - B. Penduduk Sabah memiliki banyak modal.
 - C. Sabah mempunyai ramai tenaga buruh.
 - D. Penduduk Sabah menggunakan teknologi moden.
23. Pada tahun 1704, Sultan Brunei telah menyerahkan pantai utara dan timur Sabah kepada Sultan Sulu. Mengapakah Sultan Brunei berbuat sedemikian?
- A. kerana kawasan tersebut tidak sesuai untuk kegiatan pertanian.
 - B. kerana Sultan Sulu membantunya mematah pemberontakan.
 - C. kerana ditewaskan oleh Sultan Sulu dalam peperangan.
 - D. kerana ramai penduduk Sabah tidak suka mendiami kawasan tersebut.
24. Baron Von telah meminta bantuan daripada Syarikat Alfred Dent pada tahun 1877. Mengapakah Overbeck terpaksa meminta bantuan syarikat tersebut?
- A. Menghadapi masalah modal.
 - B. Menghadapi ancaman lanun.
 - C. Menghadapi serangan Sultan Brunei
 - D. Menghadapi masalah kakitangan.
25. Gabenor Labuan, W H Treacher telah bersetuju membantu Overbeck memperbaharui tempoh pajakan daripada sultan Brunei. Apakah syarat yang dikenakan kepada Overbeck bagi bantuan yang dikenakan?
- A. Syarikat yang ditubuhkan diletakkan di bawah kekuasaan British.

- B. W H Treacher dilantik sebagai Gabenor Sabah.
- C. Overbeck akan membayar sejumlah wang kepada W H Treacher.
- D. Syarikat akan membayar cukai tahunan kepada kerajaan British.
26. Pada tahun 1920-an dan 1930-an, harga getah jatuh. Mengapa?
- A. Kemelesetan ekonomi dunia.
- B. Pengeluaran getah berlebihan.
- C. Permintaan dari negara Asia merosot.
- D. Permintaan dari negara Amerika Latin terjejas.
27. Salah satu kegiatan ekonomi penduduk di Semenanjung Tanah Melayu ialah meramu. Kegiatan ini berkaitan dengan aktiviti
- A. melombong bijih timah
- B. menanam padi.
- C. memungut hasil hutan.
- D. menangkap ikan.
28. Lombong emas yang terdapat di Raub telah diusahakan oleh Syarikat dari
- A. Amerika Syarikat B. Britain
- C. Australia D. Austria
29. Mengapakah pembinaan jalanraya banyak tertumpu di kawasan pantai barat Tanah Melayu?
- A. Mempunyai tanah yang rata.
- B. Mendapat desakan daripada rakyat.
- C. Mempunyai kepadatan penduduk.
- D. Mempunyai kepentingan ekonomi.
30. Sehingga akhir kurun ke-19, orang Cina menguasai kegiatan perlombongan bijih timah di Tanah Melayu. Manakah kaedah melombong yang digunakan oleh Cina dalam tempoh berkenaan?
- I. Lombong dedah II. Pam kelikir
- III. Palung IV. Kapal korek
- A. I,II dan III. B. I,II dan IV.
- C. I,III dan IV. D. II,III dan IV.
31. Pada tahun 1832, Dol Said telah menyerahkan diri kepada British dan pihak British telah memberikan ganjaran kepada Dol Said. Apakah ganjaran yang telah diberikan?
- A. Daerah Naning dan Melaka.
- B. Menjadi Penghulu di Taboh.
- C. Pencen dan rumah di Melaka.
- D. Daerah Naning dan Rembau.
32. Mengapakah Rentap mula menyerang kubu James Brooke pada tahun 1853 ?
- A. James Brooke telah menghapuskan penempatan orang iban di Sungai Skrang.
- B. James Brooke telah mengambil alih tapak pemerintahan.
- C. James Brooke telah membuka penempatan baru.
- D. James Brooke telah mengganggu penempatan orang iban di Sarawak.
- 15 Julai 1831**

Kapten Wyllie mengetuai 150 orang Sepoi menyerang Naning.
33. Mengapakah serangan itu dilancarkan?
- A. Dol Said memberontak
- B. Dol Said berpakat dengan Rembau

C. Dol Said membicarakan kes jenayah
an British

Agi Idup, Agi Ngelaban

34. Antara berikut, yang manakah boleh dikaitkan dengan slogan di atas?

- I. Membawa maksud selagi hidup selagi berjuang.
- II. Mendorong orang Iban membuka petempatan di Sungai Skrang.
- III. Menjadi slogan orang Iban untuk mempertahankan maruah mereka.
- IV. Menyatupadukan orang Iban menentang pentadbiran James Brooke.

- A. I, II dan III. B. I, II dan IV.
- C. I, III dan IV. D. II, III dan IV.

35. Anda adalah pembesar Perak sekitar tahun 1870-an. Apakah tindakan British yang mencabuli adat resam sehingga menimbulkan kemarahan Sultan dan pembesar Perak?

- A. Menggalakkan amalan poligami.
- B. Menghapuskan amalan bercukur.
- C. Masuk campur dalam adat istiadat raja.
- D. Mengharamkan amalam penghambaan.

36. Apakah yang dimaksudkan dengan semangat kebangsaan?

- A. Perasaan taat setia.

- B. Semangat memperjuangkan negara.
- C. Perasaan cinta dan taat setia yang mendalam terhadap bangsa dan tanah air.
- D. Usaha menjadikan Tanah Melayu sebagai kuasa besar.

- Dilahirkan di Melaka
 - Mendapat pendidikan agama di Terengganu dan Riau
 - Menerbitkan akhbar Al-Ikhwan dan Saudara

37. Maklumat di atas berkenaan adalah Tokoh Pelopor Gerakan Islah di Tanah Melayu?

- A. Syeikh Muhammad Tahir.
- B. Syed Sheikh al-Hadi.
- C. Hj. Abas Muhammad Taha.
- D. Syeikh Muhammad Abduh.

38. Di bawah ini adalah bukan saranan majalah Al-Imam dalam proses idea pembaharuan Kaum Muda.

- A. Menyeru orang Melayu berpegang kepada Al-Quran dan hadis.
- B. Menggesa kaum wanita agar menghadkan mendapat pendidikan.
- C. Menasihati ibu bapa supaya memberi pendidikan sempurna kepada anak-anak.
- D. Mengetepikan adat resam dan kepercayaan kalut yang boleh menghalang kemajuan.

39. Dato' Onn Jaafar mendapat pendidikan Inggeris di England dan Kolej Melayu Kuala Kangsar. Beliau pernah menjadi pengarang akhbar. Antara berikut yang manakah akhbar yang dimaksudkan?

- I. Utusan Melayu II. Lembaga Melayu
- III. Warta Ahad IV. Warta Malaya

- A. I dan II. B. II dan III.
C. III dan IV. D. I dan IV.

40. Senarai di bawah berkaitan dengan novel-novel sebelum Perang Dunia Kedua.

- Anak Mat Lela Gila - Melati Kota Bharu - Mari Kita Berjuang

Apakah mesej penting yang ingin disampaikan oleh penulis melalui karya di atas?

- A. Menimbulkan kesedaran pendidikan.
B. Memelihara hak orang Melayu.
C. Mencetuskan semangat kebangsaan.
D. Pentingnya perpaduan kaum.

Bahagian B (10 Markah)

Lengkapkan petak berikut dengan jawapan yang sesuai dan betul berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan.

Gabenor	C.L. Moses	Negeri-Negeri Selat	Perlembagaan Sarawak	James Brooke
J.S Mason	British	Durbar	Martin Lister	Prince of Wales

1.	Penyatuan Pulau Pinang, Singapura dan Melaka	
2.	Nama yang diberikan oleh Francis Light kepada Pulau Pinang.	

3.	Residen pertama British di Negeri Sembilan.	
4.	Persidangan Raja-Raja Melayu	
5.	Mendesak Siam menerima kehadiran mereka.	
6.	Penasihat British di Kelantan.	
7.	Pemerintah Sarawak 1841-1868	
8.	Diisytiharkan oleh Charles Vyner Brooke pada 24 September 1941	
9.	Mengetuai pemerintahan SBUB di Sabah.	
10.	Menerima konsesi tanah daripada Sultan Brunei pada tahun 1865	

Bahagian C (10 Markah)

Tuliskan BETUL atau SALAH untuk setiap kenyataan di bawah.

- Ubi kayu merupakan salah satu tanaman tradisional yang diusahakan untuk tujuan eksport.

- Industri mengetin nanas berpusat di Johor.

- Ekonomi dagangan adalah berorientasikan eksport.

- Penjajahan Sepanyol di Filipina telah ditentang oleh rakyat Filipina yang dipimpin oleh Mahatma Gandhi.

- Kaum Muda terdiri daripada golongan ulama dan pegawai agama.

- Cina Peranakan merupakan masyarakat kacukan antara Jepun-Melayu.

7. Akhbar Sekola Melayu dikendalikan oleh masyarakat Melayu.

8. Akhbar Bintang Peranakan dikendalikan oleh masyarakat Cina Peranakan.

9. Kongres Melayu Se-Tanah Melayu yang pertama diadakan pada tahun 1939 di Kuala Lumpur.

10. Kesatuan Melayu Muda ditubuhkan oleh Ibrahim Haji Yaakob di Kuala Lumpur pada tahun 1938.

KERTAS SOALAN TAMAT.

SELAMAT MENJAWAB.

